

AKTIVITI/PERISTIWA BAGI BULAN JANUARI 2011 SEKTOR AUDIT KHAS & PENYELIDIKAN

LAWATAN SAMBIL BELAJAR PEGAWAI KANAN NATIONAL AUDIT AUTHORITY, KINGDOM OF CAMBODIA

Seramai 5 pegawai kanan daripada National Audit Authority, Kingdom Of Cambodia telah menjalani latihan di Jabatan Audit Negara mulai 17 hingga 28 Januari 2011. Mereka adalah terdiri daripada Mr. Som Sotheara, Mr Chea Sophat, Mr. Heng Karo, Mr. Khath Veasna dan Ms Ngeth Movylen. Lawatan sambil belajar ini bertujuan untuk mendapatkan penerangan mengenai fungsi Jabatan Audit Negara serta pendedahan kepada pengauditan hasil di Jabatan KASTAM dan Jabatan Hasil Dalam Negeri, serta Jabatan Kerja Raya. Penceramah yang terlibat dalam program tersebut ialah Pengarah Sektor Audit Kerajaan Negeri, Puan Ong Swee Leng, Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Puan Lau Tze Ngik, Timbalan Pengarah Audit KASTAM, Puan Raftah Bt Ibrahim, Timbalan Pengarah Audit Hasil Dalam Negeri, Encik Muhammad Iskandar B. Mokhtar dan Timbalan Pengarah Audit Jabatan Kerja Raya Encik Abdul Azizi B, Shaari. Delegasi tersebut juga dijemput untuk jamuan makan tengah hari bersama YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara.



YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara menyampaikan cenderahati kepada pegawai National Audit Authority Cambodia



YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambin B. Buang, Ketua Audit Negara menerima cenderahati daripada Mr Som Sotheara, Ketua delegasi, National Audit Authority Cambodia di pejabat beliau.



Sesi bergambar bersama YBhg. Tan Sri Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara, Puan Ong Swee Leng, Pengarah Sektor Audit Negeri dan Puan Lau Tze Ngiik, Pengarah Sektor Audit Persekutan semasa Latihan Sambil Belajar bagi 5 pegawai dari National Audit Authority Cambodia di Jabatan Audit Negara. Mereka adalah Mr Som Sotheara, Mr Chea Sophat, Mr Heng Karo, Mr Khath Veasna dan Ms Ngeth Movylen.